

16 SEP 1999

PERSIDANGAN UNDANG-UNDANG KOMANWEL KE-12 SATU KEJAYAAN

SUBANG JAYA, 16 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Persidangan Undang-undang Komanwel ke-12 yang berakhir hari ini telah membuktikan bahawa Malaysia mengamalkan demokrasi dan kebebasan bersuara mengenai undang-undang.

"Saya gembira persidangan ini satu kejayaan bagi pihak kita terutamanya pihak Majlis Peguam yang membuat persiapan dengan begitu baik," katanya pada persidangan berita selepas menutup persidangan itu di sini.

Timbalan Perdana Menteri juga yakin para peserta telah memberi pandangan dalam pelbagai aspek dengan perkara yang diberi perhatian oleh peguam dan hakim serta golongan yang terbabit dalam bidang perundangan.

Beliau juga yakin perkara yang dibincangkan semasa persidangan itu dapat dihayati dan diamati oleh rakyat yang berpeluang menjadi peserta.

Persidangan empat hari yang disertai 1,400 orang dirasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin.

-- BERNAMA

ARA PR